

# Perayaan Dong Zhi diadakan besar- besaran

UM 20 DEC 2001

SERI KEMBANGAN 19  
Dis. — Perayaan Dong Zhi bagi masyarakat Cina akan diadakan buat pertama kali secara besar-besaran dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 21 Disember ini di Stadium Putra, Bukit Jalil.

Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Perayaan Dong Zhi, Tan Sri Lee Kim Yew berkata, pihaknya menganggarkan kehadiran seramai 15,000 yang terdiri daripada ahli pelbagai persatuan dan pertubuhan masyarakat Cina di negara ini.

Antara yang akan hadir termasuklah Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik dan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik.

"Kami ingin mengambil kesempatan dalam menghayati perayaan Dong Zhi bagi membangkitkan persefahaman bukan sahaja di kalangan kaum keluarga dan masyarakat Cina, malahan di kalangan semua kaum lain di Malaysia," kata Lee pada sidang media di sini hari ini.

Menurut beliau, perayaan itu bukan bersifat keagamaan tetapi lebih merupakan tradisi dan kebudayaan kaumnya bagi menghargai keamanan dan perpaduan yang dikecapi oleh seluruh ahli masyarakat di negara ini.

"Perayaan itu sebenarnya lebih penting daripada sambutan Tahun Baru Cina walaupun ia hanya disambut secara kecil-kecilan bersama ahli keluarga sebelum ini," jelas Lee.